

# RINGAN BEBAN RENTAN BANDAR

*Pemerkasa bantu kelangsungan hidup golongan sasar*

## PEMERKASA

Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi

Oleh Mahaizura  
Abd Malik  
mahaizura@  
hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Inisiatif kerajaan menambah baik program bantuan rentan bandar amat membantu kelangsungan golongan itu terutama selepas terkesan dengan penularan pandemik Covid-19 dan dihimpit dengan masalah kos sara hidup tinggi.

Dekan Fakulti Eologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Mohamad Fazli Sabri menyifatkan usaha berkenaan tepat pada masanya bagi meringankan beban golongan itu.

"Amat bersesuaian dan tepat pada masanya kerana golongan rentan bandar ini lebih terkesan akibat peningkatan kos sara hidup di bandar."

"Uniknya, setiap bantuan di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (Pemerkasa) ini bukan dalam bentuk wang tunai kerana kita bimbang jika wang tunai, ia akan disalah gunakan."

"Sebaliknya bantuan di berikan berbentuk program bagi memastikan kelestarian bantuan kepada golongan sasar," katanya.

Sementara itu, Pengurus Persatuan Kebajikan Golongan Asnaf dan Gelangan Kuala Lumpur dan Se-

langor (KASGE) Rashdan Rashid berkata, pihaknya mengalu-alukan apa saja usaha kerajaan membantu golongan B40 dan miskin tegar bandar demi kelangsungan mereka.

"Kita alu-alukan bantuan sedemikian kerana dapat meringankan beban golongan sasar, namun ia bersifat hanya sementara dan jangka pendek."

"Justeru, kami di pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lebih cenderung jika kerajaan juga dapat mengetahui pasti dan membangun kemahiran mana-mana asnaf menerusi aktiviti keusahawanan sosial dan ekonomi seperti dipraktikkan negara jiran, Indonesia."

"Kita sedia menggembangkan tenaga dengan kerajaan supaya asnaf yang dibantu menerusi Pemerkasa ini bukan hanya mendapat bantuan bersifat sementara tetapi jangka panjang apabila mampu berdikari menjana pendapatan sendiri," katanya.

Pada Mac lalu, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan inisiatif Pemerkasa bernilai RM20 bilion bagi mengawal Covid-19 dan memulihkan ekonomi negara.

Menerusi Pemerkasa, kerajaan turut memperuntukkan RM200 juta bagi menambah baik pelbagai program bantuan golongan rentan bandar.

Ini termasuk Program Bantuan Barang Dapur bernilai RM100 sebulan untuk tempoh tiga bulan, ke-

**Bantuan diberikan berbentuk program bagi memastikan kelestarian**  
**Dr Mohamad Fazli**

*(Dr Mohamad Fazli)*

mudahan MyMedic@Wilayah di kawasan perumahan awam dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di sekitar Kuala Lumpur, Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) selain

## PEMERKASA

Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi

### MENAMBAH BAIK PROGRAM BANTUAN RENTAN BANDAR

### RM200 Juta

**RM27 juta**

INISIATIF  
MYSTEP  
JKM



2,500 pegawai tambahan di bawah inisiatif MyStep bagi memastikan bantuan sampai kepada mereka yang memerlukan

**RM21j**

PROGRAM  
PEMERKASAAN  
EKONOMI  
KOMUNITI  
BANDAR  
(PEKB)



Manfaat kepada tambahan seramai 900 peserta menjadikan keseluruhan sasaran sebanyak 1,800 bakal usahawan di bawah PEKB dilahirkan pada tahun 2021

**RM40j**

PROGRAM  
KLINIK  
BERGERAK  
PERCUMA



MyMedic@Wilayah oleh KWP/DBKL meliputi kawasan PPR dan Perumahan Awam (PA) di WPKL

Program KPT PRIHATIN, KOMUNITI SEJAHTERA (KRIS)  
RM30 juta diperuntukkan bagi meluaskan perkhidmatan kesihatan ini ke seluruh negara

**RM100j**

PROGRAM  
BANTUAN  
BARANGAN  
DAPUR



Bantuan secara bukan tunai sebanyak RM100 sebulan untuk tempoh 3 bulan. Penerima di bawah senarai e-Kasih di bandar-bandar utama di seluruh negara



GOLONGAN B40 dan asnaf mampu berdikari dan jana pendapatan jika menyertai program berbentuk pembangunan kemahiran.

INFOGRAFIK **[Metro]**